

# FALSAFAH MIM

*Membina Minda Melayu*

**Ibrahim Shah**

89923  
AS

**Falsafah MIM** yang disimbolkan melalui keris yang tidak bersarung tetapi tidak pula dihunus ke langit melambangkan keperluan bangsa Melayu untuk bangun daripada tidur yang panjang, tidak bermimpi pada siang hari, bersikap agresif, progresif, bermaruah, maju, mara, mahu berjuang dan tidak mementingkan diri melebihi kepentingan bangsa tetapi pada masa yang sama bangsa Melayu tidak mahu bersengketa, bermusuh atau bermasam muka dengan bangsa-bangsa lain.

Saya fikir, sudah tiba masanya keris MIM dipasak dan dipahat dengan kekuatan, daya tahan, ketajaman minda dan jati diri Melayu. Ia kelihatan penting dalam konteks menjadikan bangsa Melayu sebagai bangsa yang berjaya, dihormati, bermaruah dan berkualiti tinggi di bumi sendiri dan seterusnya di peringkat global.

# FALSAFAH MIM

---

*Membina Minda Melayu*





TUN DR. MAHAATHIR MOHAMED

# FALSAFAH MIM

*Membina Minda Melayu*

**Ibrahim Shah**

---

Pusat Penerbitan Universiti (UPENA)

Universiti Teknologi MARA • SHAH ALAM • 2008

---

**PUSTAKA PERDANA**



**1011505**

Cetakan Kedua 2008

© Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), UiTM 2007

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Pengarah, Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

e-mail: upena@salam.uitm.edu.my

Perpustakaan Negara Malaysia    Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Ibrahim Abu Shah, Dato' Seri, 1948-

Falsafah MIM : membina minda Melayu / Ibrahim Shah.

Mengandungi indeks

Bibliografi: ms. 93

ISBN 978-967-305-062-8

ISBN 978-967-305-064-2 (kkt)

1. Malays--Malaysia. 2. Malays--Ethnic identity. 3. Social change--Malaysia.

I. Judul.

305.89923

Reka bentuk kulit : Nur Rafiqah Hassan  
Diatur huruf oleh : Ampang Press Sdn. Bhd.  
Rupa taip teks : Times New Roman  
Saiz taip teks : 11.5/15

Dicetak oleh : Maxporia Sdn. Bhd (664757-k)  
B-3A03, Block B, Kelana Square  
17, Jalan SS7/26, Kelana Jaya  
47301 Petaling Jaya  
Selangor

7 5.89923  
1A5

*Dituju khusus*

*Buat ayahanda, di dalam dunia kecilmu mengajar erti kehidupan, perjuangan dan maruah bangsa,*

*Buat bangsaku – ketika kita melalui 50 tahun kemerdekaan – supaya mengerti yang perjuangan bangsa tidak akan bernoktah. Falsafah MIM adalah manifestasi perjuangan bangsa.  
Semoga memahami niat murni ini.*

*Dan*

*Buat rakan-rakan yang berlainan bangsa,  
kami tidak pernah dan mahu memusuhi sesiapa.*





# *Kandungan*

*Dedikasi ... v*

*Epigrafi ... viii*

*Pendahuluan dan Penghargaan ... xiii*

Bahagian I

Falsafah MIM: Satu Catatan ... 1

Bahagian II

50 MIM: [M]embina [M]inda [M]elayu ... 17

Bahagian III

Laman dan Arca MIM ... 35

Bahagian IV

Perjuangan MIM di UiT[M] ... 53

Bahagian V

UiT[M] [M]embina Bangsa [M]elayu ... 71

Bahagian VI

Perasaan ... 83

*Bibliografi ... 93*

*Indeks ... 95*




*“Kalau ada orang Melayu yang telah berjaya, kaya atau bijak, maka sewajarnya kita menyokong mereka dan bukannya iri hati atau hasad dengki terhadap kejayaan mereka. Jangan pula kita sanggup menjatuhkan mereka dengan merosakkan nama baik mereka kecuaililah mereka melakukan sesuatu perkara yang boleh merosakkan agama, negara dan bangsa sendiri.”*

*Abu Shah Mohd Yatim*



*“Apakah ini disebabkan kerajaan tidak berusaha? Kaum yang tidak diberi bantuan oleh kerajaan jelas berjaya. Kenapakah orang Melayu yang diberi bermacam-macam bantuan tidak berjaya? Jelas, selagi orang Melayu tidak mahu mengaku bahawa kelemahan yang sebenar berada pada diri mereka sendiri, selagi itu mereka tidak sanggup membetulkan kesalahan mereka, selama itulah mereka akan gagal dalam bidang perniagaan dan perusahaan.”*

*Tun Dr Mahathir Mohamad*



*“Minda tidak akan berubah secara alami atau semula jadi. Justeru, minda Melayu perlu dipacu dengan pembelajaran, latihan dan kaedah mengenai pemikiran positif, pemikiran lateral, pemikiran proaktif dan pemikiran mulia. Oleh yang demikian, kita perlu memacu minda Melayu melalui kepemimpinan transformasi, bekerja sebagai satu pasukan, menjayakan agenda Melayu, mempertahankan akidah dan memacu minda generasi muda.”*

*Dato' Sri Mohd. Najib Tun Abdul Razak*





*“Saya akan berasa amat sedih bukan kerana orang kritik saya, bukan kerana orang maki hamun saya, bukan kerana orang hendak perleceh saya. Saya tidak peduli sangat fasal itu. Tetapi yang akan menyedihkan saya sesedih-sedihnya adalah jika berlaku di kalangan orang Melayu yang mendapat peluang mendapat sesuatu kemudahan permit, lesen dan kontrak apa pun, (tetapi) diserahkan kepada orang lain pula untuk melaksanakannya. Tahap marah dah hilang, tahap marah berganti sedih. Saya rasa kecil hati dan paling sedih sekiranya itu berlaku. Ia amat-amat memalukan. Takkanlah saya perlu berulang-ulang hendak merayu lagi. Amat-amat memalukan.”*

*Dato' Seri Haji Abdullah  
Ahmad Badawi*


# *Pendahuluan dan Penghargaan*


Falsafah MIM terlahir setelah hampir seumur hidup berjuang untuk memartabatkan bangsa Melayu melalui institusi Melayu terbesar, iaitu Universiti Teknologi MARA. Bermula sebagai pelajar – kemudian menjadi pemimpin pelajar – pensyarah, pentadbir akademik sehinggalah dilantik sebagai Naib Canselor memberi peluang untuk berfikir dan merencanakan amanah kepimpinan negara bagi melaksanakan kepentingan bangsa Melayu.


Mungkin kata-kata “berjuang” memberi konotasi terlalu besar untuk insan sekerdil ini. Namun dalam dunia kecil sendiri, saya cuba sedaya upaya untuk merealisasikan harapan bangsa melalui UiTM yang mungkin dipanjangkan pula dalam pelbagai kegiatan kemasyarakatan yang lain.

Namun, perjuangan bangsa ini adalah rentetan perjuangan yang jauh lebih panjang oleh pemimpin ITM atau UiTM yang terdahulu. Perlu diakui, kesemua mereka mempunyai sejarah perjuangan tersendiri terutamanya Tan Sri (Dr) Arshad Ayob. Mereka semua tetap terlukis dalam gambaran perjuangan UiTM.


Perjalanan panjang kehidupan yang telah dipilih dan dilaksanakan secara bersungguh-sungguh telah memberi peluang untuk melihat bangsa Melayu melalui perspektif tertentu. Falsafah MIM merupakan manifestasi pandangan dan pengamatan seorang anak bangsa yang mungkin boleh dijadikan pedoman sepanjang zaman.











Falsafah MIM merupakan falsafah yang boleh membantu mengubah sikap dan pemikiran bangsa Melayu melalui proses transformasi yang positif.

Bangsa Melayu, jika diberi peluang serta diberi bimbingan yang sempurna dengan penghayatan Falsafah MIM pasti menjadikan bangsa Melayu sebagai bangsa yang maju dan kehadapan.

Saya anggap ia sebagai satu peninggalan kecil daripada insan kerdil untuk bangsanya.

Bagaimanapun, perjuangan bangsa Melayu tidak harus dilihat dalam konteks yang jumud. Saya tidak pernah dan tidak mahu “bergaduh” atau menyinggung perasaan bangsa-bangsa lain di Malaysia. Saya menyayangi mereka. Malah guru-guru sekolah dan pensyarah-pensyarah di UiTM terdiri daripada pelbagai keturunan dan bangsa. Mereka mempunyai “nilai dan erti” yang cukup luar biasa terhadap perkembangan kehidupan saya.

Malah saya sentiasa mengenangi zaman lampau yang mempunyai hubungan rapat dengan begitu ramai keluarga berbangsa Cina. Hubungan rapat ini menjadikan mereka sebagai “uncle” dan saudara sendiri. Tentu sekali hubungan ini masih berterusan sehingga ke hari ini. Kami masih bertanya khabar, saling ziarah-menziarahi dan hormat-menghormati.

Falsafah MIM ini juga diharap dapat memberi sedikit penjelasan kepada rakan-rakan kita di luar negara. Sebagai Naib Canselor di sebuah universiti terbesar di Malaysia, kami sering dikunjungi oleh pemimpin-pemimpin universiti dan industri daripada seluruh dunia. Malah, staf dan pengurusan universiti juga berkunjung ke merata dunia atas urusan akademik dan bukan akademik. Kami sering dihujani dengan satu pertanyaan,

*“Benarkah keistimewaan Melayu Malaysia dikecapi dengan menindas bangsa-bangsa lain? Apakah bangsa-bangsa lain menjadi bangsa kelas dua di negara sendiri?”*

Pengertian tentang sejarah dan kedudukan bangsa Melayu secara mendalam perlu diperjelaskan. Bangsa Melayu begitu jauh



ketinggalan di bumi sendiri. Ia bukan berlaku secara semula jadi. Ia melalui proses zaman-berzaman. Perjalanan sejarah penjajahan yang panjang banyak menyumbang kepada pola dan kedudukan ekonomi, sosial dan politik Malaysia. Dan ringkasnya, usaha-usaha yang dijalankan bagi membetulkan kekurangan bangsa Melayu dan yang lain dibuat tanpa menjejaskan hak dan

kebebasan bangsa-bangsa lain di Malaysia. Hakikatnya, rakan-rakan bukan Melayu di Malaysia jauh lebih mewah, maju dan ke hadapan dalam semua bidang.

Dalam konteks yang lebih besar, perjuangan Melayu yang menjadi “harapan dan cita-cita” adalah untuk mengubah sikap, perangai, keinginan dan pemikiran bangsa sendiri. Dalam proses inilah saya mengajak agar teman-teman kita daripada bangsa-bangsa lain di Malaysia dan di luar negara agar memahami apa yang kita perjuangkan.

Secara tersirat, bangsa Melayu hanya mahu membetulkan diri sendiri tanpa memusuhi bangsa-bangsa lain.

Tentu sekali saya bersyukur kerana dilantik menjadi Naib Canselor UiTM. Melalui jawatan tersebut, saya dapat berkhidmat dengan tiga Canselor UiTM iaitu, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Malah, bertuah kerana dapat “mengadap”, bersua muka dan berbincang dengan hampir kesemua Sultan dan Yang Dipertua Negeri.

Saya juga berkesempatan bersama dua Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dan Dato’ Seri Haji Abdullah Ahmad Badawi. Kedua-duanya adalah insan ajaib yang sentiasa memberi tumpuan peribadi terhadap UiTM.

Saya juga sering berhubung, mendapat pandangan dan bantuan daripada Timbalan Perdana Menteri, Dato’ Sri Mohd. Najib Tun Abdul Razak serta hampir kesemua Menteri, Menteri Besar dan Ketua Menteri. Malah, berpeluang berjumpa dan berbincang dengan hampir setiap



golongan masyarakat – terutamanya bangsa Melayu – kerana organisasi yang dipimpin terlalu besar maknanya buat mereka.

Kesemuanya menyumbang kepada percambahan dan pembentukan idea yang disalurkan kembali melalui Falsafah MIM.

Bangsa Melayu adalah bangsa yang unik. Saya dapat memerhati dan merasainya. Saya lalunya sepenuh perasaan. Ada ketikanya saya berasa bertuah kerana dilahirkan sebagai bangsa Melayu. Tangan yang menghulur bantuan tak terduga, tak terjangkau dek hati dan perasaan. Ada ketikanya, saya berasa dukacita, susah hati dan rimas dengan cabaran yang datang daripada bangsa sendiri.

Perhatikanlah kedudukan ekonomi dan sosial bangsa Melayu dan bumiputera yang lain. Meskipun kita dilihat sebagai penduduk majoriti dari segi kuantitinya, namun dalam konteks kedudukan ekuiti negara, kita adalah golongan minoriti di bumi sendiri.

Sekadar contoh, lihatlah firma-firma perniagaan di seluruh bandar utama adalah bukan milik Melayu. Dan milik siapakah bangunan-bangunan pencakar langit yang menghiasi perjalanan Kuala Lumpur – Klang?

Malah dalam bidang-bidang kritikal dan profesional, bangsa Melayu masih juga ketinggalan. Hakikat sebenar, hampir 80% projek-projek yang dianugerahkan oleh kerajaan kepada bangsa Melayu ternyata

berakhir menjadi milik bukan Melayu. Malah – ironinya – perniagaan berteraskan konsep halal juga, hampir 80 peratus dikuasai oleh bukan Melayu. Ia sangat-sangat memalukan. Malang sekali orang Melayu masih berada dalam zon selesa (*comfort zone*) dengan kedudukan yang tidak pernah berubah.

Dalam konteks berbeza, kesemua penyakit sosial yang kronik, misalnya penyalahgunaan dadah, penyelewengan sosial dan kuasa, maka kita pula menjadi golongan terbesar. Ia seolah-olah satu konflik yang tidak bertepi. Kekuatan bangsa Melayu ibarat pantai yang sentiasa terhakis dek ombak yang sentiasa menghempas.

Frank Swettenham (1900) pernah menulis tentang sifat bangsa Melayu:

*“...tingkah lakunya tertib dan santai. Tidak pernah merungut, dia berhati-hati dengan orang asing walaupun tidak menggambarkannya. Boleh dipercayai jika diberi amanah, suka bermewah, suka meminjam tetapi lambat membayar, mengambil berat tentang jiran tetangga tetapi suka juga membawa gosip. Dia adalah pengikut Muhammad. Yakin kepada takdir tetapi percaya juga kepada tahyul. Tidak gemar minum, jarang-jarang menghisap candu tetapi berminat dengan judi dan berlaga ayam.”*

Akhirnya saya mengerti – untuk berjaya, bangsa Melayu perlu melakukan anjakan minda yang besar. Tidak boleh bersikap negatif, tidak boleh berlaku negatif, hati mesti bersih, ikhlas dan tidak boleh menganggap bangsa sendiri sebagai musuh yang perlu diperangi. Saya berkata kepada warga UiTM,

*“kehebatan fizikal walau disaluti emas sekalipun tidak akan memberi apa-apa erti jika sekiranya hati, jiwa dan minda kita tidak emas.”*

Anjakan minda perlu berlaku pada setiap orang, tidak kira sama ada mereka itu pemimpin politik, pegawai kerajaan, ahli korporat, teknokrat, pensyarah, peniaga, ataupun bangsa Melayu di jalanan. Malah saya fikir,

golongan mahasiswa atau golongan muda perlu diberi kesedaran awal tentang perlunya mereka mempunyai pemikiran yang sesuai dengan sifat-sifat satu bangsa yang berjaya. Saya sentiasa berpendapat yang bangsa Melayu kelihatan “sihat wal afiat” tetapi hanya senipis kulit bawang. Bangsa Melayu sebenarnya masih terancam. Malah ia lebih mendukacitakan kerana dalam kebanyakan hal yang merosakkan bangsa Melayu adalah orang Melayu sendiri.

Di sana sini, bangsa Melayu lebih berminat untuk mengisi perut sendiri, mengambil keuntungan sementara – misalnya, sentiasa menyerahkan segala kontrak perniagaan untuk dijalankan oleh orang lain – dan gagal melihat keperluan bangsa untuk satu tempoh yang lebih panjang. Kelihatan, mereka yang berkuasa, jika menyalahgunakan kuasa untuk kepentingan diri, ibarat penyakit kanser akan menghancurkan bangsa – sedikit demi sedikit – atas kepentingan peribadi yang tidak terkawal.

Ironinya, keinginan perjuangan untuk mengisi perut sendiri dilakukan tanpa segan-silu, malah dinyatakan secara terang-terang seolah-olah ia bukan suatu kesalahan.

Saya kesedihan. Saya nyatakan kesedihan ini pada setiap waktu terluang kepada warga UiTM. Dengan sedikit kasar, saya ungkapkan – (M)elayu akan (M)uflis dan akhirnya akan “(M)ampus” jika terus-terusan kita tidak menjaga kepentingan bangsa. Bilakah bangsa Melayu mahu menjadi bangsa yang (M)ulia, ber(M)aruah dan ber[M]artabat?

Dalam konteks ini, tentu sekali saya mahu mempertahankan bangsa sendiri walaupun pada hakikatnya saya sentiasa bersedih hati. Tiga tahun lepas (2005), ketika dijemput untuk menjadi panel program Debat Perdana Radio Televisyen Malaysia (RTM) saya melihat bangsa Melayu cuba ditolak sedikit demi sedikit. Saya bertegas dalam mempertahankan maruah bangsa. Harapan bangsa juga begitu. Saya tidak henti-henti menerima panggilan, *short messages service* (SMS) dan *e-mail* yang menyokong ketegasan yang telah saya pamerkan. Namun, saya lebih suka mencatatkan isi sepucuk surat daripada seorang berbangsa Cina:

*“Awak jagalah dan betulkan bangsa awak sendiri, kalau tidak orang Melayu akan dihina bukan sahaja di negara sendiri tetapi di seluruh dunia.”*

Dalam konteks yang kelihatan kecil – misalnya – semasa di persekolahan menengah, saya adalah pemimpin Persatuan Bahasa Melayu. Kami telah menganjurkan satu lawatan sambil belajar ke Kuala Lumpur. Alahai, budak kampung ingin melawat *Subang Airport*, *Lake Garden*, *Batu Caves*, *Muzium Negara*, *Tugu Negara* dan beberapa tempat menarik yang lain. Cuma kesilapan saya ialah kerana lewat menghantar borang permohonan sehari daripada masa sepatutnya. Itu bukan perkara luar biasa atau satu kesalahan yang besar. Apatah lagi saya sendiri mengetahui persatuan yang dianggotai oleh pelajar Cina yang lewat beberapa hari menghantar permohonan yang sama telah dibenarkan pergi.

Pada pagi hari kami ingin bertolak, guru disiplin sekolah berbangsa Melayu telah memaklumkan kepada saya supaya membatalkan lawatan tersebut dengan alasan lewat menghantar permohonan. Saya melihat ahli persatuan yang bersemangat, bas sudah tersedia dan mereka semua berharap kepada saya untuk membuat keputusan. Akhirnya, kami bertolak juga kerana berasa sesuatu yang tidak adil telah dilakukan terhadap Persatuan Bahasa Melayu.

Saya telah dihadapkan ke Lembaga Disiplin Sekolah atas tuduhan ingkar arahan guru disiplin dan telah membawa rombongan ke Kuala Lumpur tanpa kebenaran. Tentu sekali saya tidak mengaku salah tetapi pihak sekolah telah memutuskan sebaliknya dan hukumannya dibuang sekolah. Saya tergamam dan hampir hilang pertimbangan. Namun saya cepat sedar dan semasa dibenarkan bercakap, saya terus menyuarakan pandangan saya,


*“Cikgu semua boleh mengambil tindakan terhadap saya tetapi saya mahu cikgu semua tahu bahawa tindakan ini adalah tindakan yang tidak adil, pilih kasih dan perkauman. Mengapa budak-budak Cina yang lebih lewat daripada saya telah dibenarkan pergi? Mengapa Persatuan Bahasa*

*Melayu tidak? Mentang-mentanglah saya Melayu, saya telah diambil tindakan yang keras. Saya akan berjuang untuk mencari kebenaran.”*

Selepas berhujah saya dibawa keluar untuk menunggu tindakan selanjutnya. Mereka bersidang semula hampir setengah jam. Saya sendiri sudah tidak tahu apa yang hendak difikirkan dan sudah menerima hakikat yang saya sudah dibuang sekolah. Tinggal lagi saya harus memikirkan cara hendak memberitahu keluarga terutamanya ayah dan emak. Bagaimanapun, saya yakin “kesilapan” yang dilakukan tidak akan menimbulkan kemarahan besar mereka. Tiba-tiba muncul *School Captain* yang memberitahu kesemua tuduhan terhadap saya digugurkan dan hukuman sebelumnya terbatal.

Dalam konteks yang berbeza – sebagai Setiausaha Kehormat Kesatuan Pelajar ITM (1970) – ketika menulis kata-kata aluan dalam buku Minggu Orientasi, saya telah memberi penekanan tentang kepentingan agar bangsa Melayu mempunyai semangat perjuangan yang bercorak positif untuk berjaya,

*“Pada zaman yang serba hebat ini, kita perlu mengumpulkan segala semangat keberanian, ketabahan dan mengisi jiwa kita dengan harapan yang menyala dan berkobar-kobar. Jika kita mengambil hidup dengan sambil lewa saja, bermakna kita telah menghancurkan harapan bangsa kita yang telah menaruhkan kepercayaan mereka dan mengharap-harapkan supaya kita dapat membimbing mereka pada masa hadapan.”*



Malah – pada tahun yang sama – saya telah diminta oleh pihak Universiti Kebangsaan Malaysia untuk memberi ucapan bagi membakar semangat pelajar-pelajar berbangsa Melayu (kumpulan pertama) yang berjaya melanjutkan pelajaran ke universiti tersebut. Ia menjadi signifikan kerana mereka adalah sekumpulan pelajar beraliran Melayu yang masih mempunyai perasaan rendah diri yang cukup tebal. Kata saya kepada mereka,

*“Bangsa Melayu perlu mempunyai keyakinan tinggi untuk berjaya. Mesti bercita-cita tinggi. Tidak takut pada diri sendiri. If you want to shoot, shoot at the moon. Nescaya kita akan mendapat kejayaan yang luar biasa.”*

Penghinaan terhadap bangsa Melayu menjadikan saya sebagai seorang pelajar yang bersemangat untuk memastikan penghinaan ini tidak akan terus berpanjangan. Sekurang-kurangnya dalam dunia kecil sendiri. Bagaimanapun, dunia kecil ini terus membesar ketika melanjutkan pelajaran di luar negara. Kenyataan, *Far Eastern Economic Review* (1974) yang menghina bangsa Melayu melalui kenyataan yang menyifatkan UiTM sebagai sebuah sekolah yang mempunyai begitu banyak *non-university courses* menimbulkan kemarahan.

Lalu saya menulis balik melalui akhbar *The Post* bagi mempertahankan bangsa sendiri:

*“Kenyataan yang dikeluarkan oleh FEER dibuat tanpa membuat sebarang penyiasatan. Fakta sebenar, banyak kursus di UiTM adalah setaraf dengan ijazah universiti misalnya, Bachelor of Law (LLB), Bar at Law, Acturics, Association of Certified and Corporate Accountant, Institute of Transport dan Institute of Statistician yang boleh dikelaskan sebagai lebih tinggi daripada ijazah yang dikeluarkan oleh universiti. Kursus-kursus dalaman yang ditawarkan oleh UiTM seperti Diploma Seni bina, Diploma Perhutanan, Diploma Perbankan dan Diploma Perniagaan adalah setara dengan status Junior/*

*Senior di universiti Amerika. Tentu sekali saya berpendapat perjuangan para pelajar UiTM untuk mendapat status universiti boleh dipertahankan.”*

Saya juga sekali-kali tidak dapat menerima jika ada orang mengutuk atau memperlekeh pemimpin-pemimpin negara. Apatah lagi jika ia membabitkan soal maruah dan nama baik negara Malaysia. Misalnya, pada 8 Ogos 1975, *Far Eastern Economic Review* (FEER) telah menyiarkan sepucuk surat pembaca yang mempersoalkan kewajaran Kerajaan Malaysia mengambil langkah drastik menggantung kegiatan mencari gali minyak oleh sebuah syarikat antarabangsa yang terkenal, Exxon di perairan Malaysia Timur.

Dalam konteks yang lebih besar, tindakan tersebut merupakan strategi kerajaan untuk mengawal hasil sumber semula jadi negara daripada dieksploitasikan pihak luar. Penulis secara terang-terangan telah memperkecil dan memperlekehkan kemampuan negara terutamanya kepada pemimpin-pemimpin yang telah mengambil tindakan tersebut. Saya sendiri berasa geram dan mahu memberi pandangan balas untuk mempertahankan negara dengan menghantar pendapat peribadi kepada FEER yang telah disiarkan pada 26 September 1975.

Saya tahu tulisan pembelaan hanyalah tulisan ringkas yang mungkin tidak memberi kesan langsung kepada pandangan pembaca. Namun saya fikir, saya mempunyai kesungguhan yang luar biasa untuk melakukan sesuatu perkara yang biasanya “dibiarkan berlalu” oleh mana-mana pelajar yang lain. Barangkali, perasaan nasionalistik dan mempunyai perasaan bertanggungjawab adalah naluri semula jadi saya bermula pada usia yang begitu muda.

Dalam keadaan biasa, bangsa Melayu pastinya berdiam diri dengan pelbagai penghinaan yang dilemparkan kepada mereka secara langsung ataupun tidak langsung. Sikap mementingkan diri sendiri, tidak melihat dalam konteks yang lebih luas terutamanya dalam soal *survival* bangsa mendorong bangsa Melayu memilih jalan selamat. Sesuatu yang tidak menyentuh periuk nasi sendiri tidak perlu dipersoalkan.

“Saya ingin membawa UiTM menjadi *World-Class University*.  
Tentu sekali orang akan ketawa mendengar cita-cita ini.  
Apakah kita ingin berlawan dengan Yale dan Harvard? Saya  
sendiri tidak mahu memperbodohkan diri sendiri. Tetapi  
saya bercita-cita besar untuk membawa bangsa saya –  
melalui UiTM – sebagai satu bangsa yang mempunyai  
tempat di dunia. Dengan cara kita sendiri. Acuan kita.”



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Pusat Penerbitan Universiti (UPENA)



Pensijilan ISO 9001:2000 No.S1



ISBN 978-967-305-064-2



9 789673 050642



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA